

KURIKULUM BERASASKAN VOKASIONAL-PERTANIAN UNTUK PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MASA DEPAN ACEH

Profesor Dr. Saedah Siraj
Encik Zulbahri
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

1. Pengenalan dan Latar Belakang

Gempa bumi dengan kekuatan 8.9 pada skala Richter pada 26 Disember, 2004 yang diikuti serangan ganas gelombang tsunami telah menyebabkan kemusnahan yang besar ke atas Aceh. Malapetaka tersebut telah meninggalkan kepedihan yang mendalam pada segala aspek kehidupan masyarakat Aceh termasuklah dalam bidang pendidikan itu sendiri. Malapetaka tersebut telah menyebabkan 2500 guru meninggal dunia dan hilang, 2006 bangunan sekolah mengalami kerosakan teruk dan lebih dari 500,000 orang kehilangan tempat tinggal (*Serambi Indonesia*, 27 Mei, 2005).

Sebelum malapetaka tersebut, pendidikan di Aceh telah pun mengalami konflik yang berpanjangan. Konflik berkenaan juga telah menyebabkan banyak sekolah tidak berjalan seperti biasa. Guru dan pelajar sentiasa hidup dalam ketakutan sehingga mereka tidak menghadiri kelas. Impaknya telah menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran tidak berjalan secara normal.

Malapetaka tersebut juga telah menarik perhatian masyarakat antarabangsa sehingga pelbagai NGO luar negara datang melawat untuk membantu membina kembali keadaan di Aceh. Bahkan mereka juga telah mendorong pihak-pihak yang berkonflik untuk duduk di meja rundingan seperti yang dianjurkan oleh mantan Presiden Finland, Marti Ahtisaari bagi mengakhiri perseteruan dan ini menyebabkan program pembangunan Aceh boleh dimulakan. Kedua belah pihak telah bersepakat untuk mengakhiri konflik mereka dengan menandatangani perjanjian damai pada 15 Ogos, 2005.

Perjanjian damai tersebut adalah asas kepada pembinaan semula Aceh dan ianya merupakan waktu yang paling sesuai untuk memulihkan keadaan kehidupan masyarakat. Justeru itu, membaiki kualiti pendidikan adalah prioriti bagi membolehkan pemulihan tersebut. Dalam hal ini kurikulum berperanan besar untuk memperbaiki kualiti pendidikan. Kurikulum merupakan salah satu usaha utama bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sesebuah negara (Posner, 1992). Bagi masyarakat Aceh, analisis situasi-geografi dan sosio-ekonomi amat perlu untuk membina sebuah kurikulum yang bersifat lokal serta mantap. Malapetaka tersebut antaranya telah menyebabkan beberapa senario berikut berlaku di Aceh:

1. Perubahan mendadak persekitaran dan juga perubahan dalam aspek-aspek makro dan mikro-ekonomi;
2. Tenaga kerja berkembang pesat;
3. Wujud hubungkait antara pendidikan dengan pekerjaan;
4. Masalah trauma di kalangan kanak-kanak dan remaja yang memerlukan memakan masa yang panjang untuk pulih;
5. Kehilangan guru dan sekolah; dan
6. Pembangunan semula penduduk luarbandar dan bandar kepada

pembangunan ekonomi.

Berasaskan kepada senario tersebut, kertas kerja ini akan membincangkan bentuk kurikulum yang perlu dilaksanakan secara menyeluruh bagi rakyat Aceh. Definisi kurikulum diutarakan sebagai penanda aras kepada perancangan dan penggubalan kurikulum baru yang dicadangkan.

2. Definisi Kurikulum

Kurikulum adalah satu rekabentuk ataupun perancangan sesebuah institusi atau negara dan "... kurikulum itu sendiri mempunyai pengertian yang luas yang mencakupi seluruh program yang dirancang" (Saedah Siraj, 2001, h. i). Bagi Lovat (1998) kurikulum secara literal adalah *a course of action* (satu kursus bertindak). Lovat mengatakan kurikulum adalah kursus yang akan dijalankan kerana perkataan kurikulum itu adalah berasal dari Bahasa Latin yang bermaksud menjalankan kursus. Kamus *New Webster* (1992) mendefinisikan kurikulum sebagai satu kursus pengajian khususnya di sekolah atau kolej ataupun satu senarai kursus yang telah ditawarkan di sekolah, kolej atau universiti. Hass (1987) mengatakan kurikulum adalah:

... all of the experiences that individual learners have in a program of education whose purpose is to achieve broad goals and related specific objectives, which is planned in terms of a framework of theory and research or past and present professional practice (h. 5)

Hass memperincikan kurikulum sepertimana berikut: 1) Kurikulum adalah satu prarancangan; 2) Rancangan yang mengandungi objektif, teori-teori dan kajian-kajian mengenai tekanan sosial, perkembangan manusia, pembelajaran dan ilmu pengetahuan serta kognitif yang mana semuanya menjadi panduan kepada prarancangan di semua peringkat termasuk sistem persekolahan, sekolah, kumpulan guru dan individu yang belajar; 3) Rancangan pengajaran oleh guru adalah bahagian penting dalam perancangan kurikulum kerana ianya mempunyai pengaruh yang besar ke atas pelajar-pelajar lebih daripada kurikulum yang telah dirancang terlebih dahulu yang mungkin digunakan sebahagiannya atau sama sekali tidak dihiraukan oleh para guru. Di dalam rancangan pengajaran pula, guru perlu mempunyai pengetahuan terhadap perancangan objektif dan juga teori-teori serta kajian yang berkaitan dengan empat asas kriteria pembinaan; 4) Bagi setiap pelajar, kurikulum yang sebenar adalah pengalaman mereka sendiri apabila melibatkan diri dalam peluang-peluang pembelajaran yang disediakan dan apabila mereka berkongsi sewaktu membuat perancangan program pendidikan; dan 5) Apabila kurikulum memberi fokus kepada program pendidikan lebih daripada program-program persekolahan, peranan guru di dalam merancang menjadi semakin penting lebih-lebih lagi kurikulum tiap-tiap individu di dalam bilik darjah perlu diberi pertimbangan. Untuk menghasilkan perancangan yang cekap dan profesional di dalam situasi sedemikian, guru-guru perlu merancang berdasarkan objektif, asas dan kriteria kurikulum.

Pratt (1980) mengatakan kurikulum adalah satu dokumen bertulis yang secara sistematik mengandungi: 1) Matlamat-matlamat yang telah dirancang; 2) Rancangan aktiviti-aktiviti, dan biasanya perkataan program digunakan untuk aktiviti-aktiviti pelajar hasil daripada pelaksanaan kurikulum; 3) Mengandungi pelbagai tujuan seperti "Apakah pembelajaran yang akan dikembangkan" dan "Bagaimana penilaian dibuat"; 4) Melibatkan tujuan yang berbentuk formal yang dipilih untuk menghasilkan pembelajaran, tidak termasuk tujuan yang rawak, tidak dirancang atau aktiviti-aktiviti yang bukan pembelajaran; 5) Merupakan satu sistem yang mengandungi beberapa elemen termasuk objektif, kandungan mahupun penilaian; dan 6) Pendidikan serta latihan.

Schubert (1986) menggunakan imej dan pengkriteriaan untuk menjelaskan definisi kurikulum kerana pengkriteriaan mengandungi konsep yang lebih kukuh. Bagi Schubert, kurikulum mengandungi lapan imej: 1) Kandungan sesuatu mata pelajaran; 2) Satu program aktiviti-aktiviti yang telah dirancang; 3) Hasil pembelajaran yang ingin dicapai; 4) Penghasilan budaya; 5) Pengalaman; 6) Tugas-tugas dan konsep yang perlu dipelajari; 7) Satu agenda untuk

merombak masyarakat; dan 8) Menjalankan satu kursus. Bagi Schubert, semua imej tersebut terkandung di dalam kurikulum dan kurikulum tidak akan lengkap jika salah satu daripada imej berkenaan ditinggalkan.

Menurut Goodlad dan Su (1992) kurikulum adalah: 1) Satu rekabentuk atau perancangan bagi sesuatu institusi atau negara yang mengandungi peluang-peluang belajar yang sebenar yang disediakan untuk satu jangka waktu dan tempat tertentu; dan 2) Sebagai satu alat untuk membawa perubahan-perubahan tingkahlaku dalam diri pelajar sebagai hasil daripada aktiviti-aktiviti mereka di institusi pendidikan dan juga seluruh pengalaman-pengalaman pembelajaran yang diperolehi oleh pelajar dengan bimbingan sekolah.

Cornbleth (1984) merumuskan dari semua definisi yang telah dibincangkan, pada keseluruhannya kurikulum akan menjawab tiga soalan asas iaitu: "*what knowledge, skills and values are most worthwhile? Why are they? How should the young acquire them?*"(h. 221).

Kurikulum adalah alat untuk mencapai matlamat pendidikan (Posner, 1992). Oleh kerana pembangunan bidang pendidikan berkait rapat dengan kurikulum maka kurikulum memainkan peranan yang sangat strategik untuk membawa perubahan dalam sesuatu masyarakat. Nicholls dan Nicholls (1978) mengatakan bahawa perancangan kurikulum harus mengambil kira situasi masyarakat.

Rumusannya kurikulum adalah perancangan yang sistematik bagi satu program pendidikan termasuk juga segala pengalaman pembelajaran yang akan dikuasai oleh pembelajar. Banyak sumber yang boleh mempengaruhi atau menjadi asas kepada pembinaan sesuatu kurikulum. Di antara sumber yang terpenting ialah keperluan masyarakat setempat dari segi ekonomi dan sosio-budaya, status kumpulan sasaran (pelajar) dari segi psikologi dan sosialisasinya serta disiplin ilmu itu sendiri.

3. **Kurikulum Berasaskan Vokasional-Pertanian**

Dalam konteks pendidikan Aceh, perspektif Doll (1995) boleh dijadikan asas bagi menentukan perkembangan pendidikan yang ideal. Doll (1995) mendefinisikan kurikulum sebagai "*the formal and informal content and process by which learners gain knowledge and understanding, develop skills, and alter attitudes, appreciations, and values under the auspices of that school*" (h. 15). Ini menunjukkan penguasaan kandungan yang bersifat formal dan tidak formal termasuklah penguasaan kemahiran-kemahiran tertentu juga boleh menjadi fokus kepada satu pembinaan kurikulum baru di Aceh. Cadangan bentuk kurikulum akan dibincangkan seterusnya.

4. **Keperluan Rekabentuk Kurikulum Baru: Kurikulum Vokasional-Pertanian**

Selepas kejadian gempa dan tsunami serta penandatanganan perjanjian damai antara pihak-pihak di Aceh, kini masyarakat Aceh harus optimis untuk menuju ke masa depan yang lebih baik. Kedatangan dan penglibatan masyarakat antarabangsa ke Aceh seharusnya menjadi pendorong kepada kederasan proses pembangunan dan penstrukturan semula pendidikan harus menjadi fokus utama. Sebagai pandangan dasar dalam membina pendidikan di Aceh, Saedah Siraj (2005) memberikan gambaran tentang aspek rekabentuk dan pembinaan kurikulum seperti berikut:

Perancangan kurikulum masa depan seharusnya dapat menentukan dengan jelas halatuju kurikulum itu sendiri dengan yang ada sekarang ini dari aspek kualiti, sasaran matlamat negara mahupun pembinaan generasi masa depan yang seharusnya akan memiliki intelek yang tinggi, berakhlak mulia, bijaksana serta berpandangan luas. Oleh kerana manusia itu sendiri berupaya untuk menentukan pembangunan yang signifikan pada masa depan, maka keadaan-keadaan kritikal masa depan yang lebih mencabar

daripada yang ada sekarang ini mungkin akan dapat diatasi dengan lebih baik dan lebih teratur dengan syarat kurikulum masa depan tersebut dapat dirancang dengan baik dan sistematis (h. 357)

Berdasarkan pandangan di atas, pendidikan harus diarahkan kepada pembinaan generasi masa depan yang keadaan kehidupan mereka berbeza dengan masa kini. Ini bermakna kurikulum yang dirancang pada waktu ini bertujuan untuk mempersiapkan manusia untuk hidup di masa depan. Bagaimanapun, pembinaan masa depan Aceh sangat bergantung kepada kualiti masyarakatnya dan begitu juga sebaliknya. Oleh itu, hanya dengan pembinaan kurikulum pendidikan yang berkualiti maka pembangunan Aceh akan dapat berjalan berterusan sebagaimana yang diharapkan.

Aceh terletak di hujung paling barat pulau Sumatera dengan dikelilingi oleh Lautan Hindi di sebelah selatan dan barat serta Selat Melaka di bahagian utara. Sementara di bahagian daratan, Aceh memiliki kawasan pertanian yang luas. Keadaan tersebut sangat strategik bagi perkembangan bidang pertanian dan samudra.

Kedudukan tersebut menyebabkan Aceh memiliki sumber alam yang kaya dan pelbagai. Bagi memanfaatkan dengan sebaik-baiknya potensi-potensi tersebut, Aceh sangat memerlukan tenaga kerja mahir (*skills worker*) dalam bidang-bidang yang berkenaan. Untuk menghasilkan tenaga kerja yang memiliki kemahiran, Aceh memerlukan satu kurikulum yang berasaskan kemahiran (*Skill-based Curriculum*). Bagi mengaplikasikan kurikulum ini, model pendidikan haruslah dibina di atas dasar Vokasional-asas Tani.

Vokasional-asas Tani adalah berasaskan kepada Kurikulum Berorientasi Produk dan juga Model Pendidikan Berorientasi Vokasional (MPBV) (*labor oriented product*). “*Vocational is often taken to mean ‘work related’*” (Twining, Nisbet, & Megarry, 1987, h. 11). Dalam mengaplikasikannya, MPBV ini seringkali dilihat sebagai latihan yang bersifat teknikal bagi persiapan menuju dunia kerja. Pandangan seperti ini telah lahir pada tahun 1970an di negara-negara maju seperti Britain dan Amerika Syarikat.

Berasaskan pandangan tersebut, negara-negara maju telah mengarahkan pendidikan mereka kepada bentuk vokasional dan juga kurikulum yang berasaskan kemahiran dan kompetensi (Doll, 1995). Hasilnya, negara-negara tersebut telah menjadi negara maju. Banyak negara lain yang mengikuti format pendidikan vokasional tersebut juga telah menjadi negara maju sekarang ini.

Oleh karena itu, jika kita mengikut pandangan yang berorientasi produk tersebut maka kita juga harus memenuhi keperluan perniagaan yang dijalankan oleh masyarakat (Twining, Nisbet, & Megarry, 1987) di mana pelanggannya adalah masyarakat itu sendiri. Untuk memenuhi keperluan pelanggan, pendidikan harus mengutamakan pengembangan pengetahuan dan kemahiran untuk mempersiapkan pelajar supaya mereka boleh berjaya dalam masyarakat. Oleh itu, kajian mengenai masa depan keperluan bidang-bidang industri pertanian masa depan perlu dijalankan segera.

Kajian masa depan oleh Vamadore (1991) boleh dijadikan sebagai contoh untuk pembinaan kurikulum yang menghasilkan tenaga kerja pertanian. Kajian Vamadore (1991) bertujuan mengenalpasti kandungan kurikulum bagi Kursus Daging dalam Pendidikan Pertanian pada tahun 2000. Kajian ini menggunakan Teknik Delphi untuk pemungutan data. Panel pakar terdiri daripada 31 orang dipilih daripada pelbagai latar belakang kerjaya termasuk kerjaya pentadbiran dalam industri atau organisasi-organisasi sokongan, ahli fakulti atau pentadbir-pentadbir sains-daging di universiti-universiti di mana kebanyakan daripada mereka mempunyai pengalaman di universiti dan industri. Dua daripada panel pakar berkelulusan PhD.

Dapatan kajian Vamadore antaranya menunjukkan: 1) Industri daging akan cepat berubah pada masa depan disebabkan lebih penekanan ke atas teknologi otomasi (automation); 2) Pendidikan akan memainkan peranan yang sangat penting dalam industri daging, mencipta pekerjaan dalam bidang pendidikan pengguna; 3) Pentadbiran yang besar, syarikat-syarikat yang pelbagai akan menggunakan satu pendekatan-berkumpulan; 4) Permintaan pengguna akan termasuk juga mempunyai ciri-ciri tetap, seragam, kurang lemak, nilai produk, dan produk-produk kesihatan masih disukai. Pengguna tidak akan membeli bagi menjana sumber protein daripada menentukan sesuatu atau penyatuan sumber-sumber; 5) Pembungkusan produk-produk daging akan mengambilkira bahagian-bahagian yang lebih kecil perhidmatan-satu; dan mudah, boleh dimikrowave, senang dibuka, dan pembungkusan yang menarik; 6) Strategi pemasaran seharusnya mengambilkira kumpulan sasar berlawanan kepada seluruh penduduk untuk menggerakkan jualan.

Berdasarkan kepada kajian-kajian masa depan seperti yang dijalankan oleh Vamadore (1991), dasar kurikulum baru boleh dibina. Bagi kes Aceh, pembinaan kurikulum baru memerlukan beberapa kajian masa depan untuk menentukan bidang-bidang baru yang bakal diperkenalkan dalam sistem pendidikan yang baru.

Oleh itu, kurikulum berasaskan Vokasional-Pertanian dicadangkan oleh penulis. Sehubungan dengan ini, pendidikan di Aceh haruslah mengambil kira kesesuaian keperluan masyarakatnya dan kekayaan sumber alamnya. Dengan mengambil kira kesesuaian tersebut maka matlamat pendidikan akan tercapai dan para pelajar boleh mengaplikasikan kemahiran mereka untuk kemajuan masyarakat dan kehidupan mereka sendiri.

Kurikulum seperti ini dijangka akan membawa Aceh ke masa depan yang lebih baik. Dalam membina sebuah kurikulum yang demikian, diperlukan adanya analisis-situasi-sosial (Ornstein & Hunkins, 1998). Dengan melakukan analisis-situasi-sosial, pembina kurikulum akan memperoleh gambaran mengenai apa yang sebenarnya sangat penting bagi masyarakat Aceh. Pendek kata, dalam membina sesuatu kurikulum haruslah pertimbangan dilakukan ke atas soal-soal potensi kekayaan alam setempat, keperluan masyarakat, keperluan pasaran bidang pekerjaan, dan perkembangan teknologi. Kurikulum berasaskan Vokasional-Pertanian memberi fokus kepada penguasaan kemahiran dalam bidang vokasional dan juga kemahiran-kemahiran asas tani. Bidang-bidang yang dimajukan adalah bergantung kepada analisis-situasi yang dijalankan dan bergantung juga kepada kajian masa depan mengenai keperluan industri terhadap bidang-bidang tersebut.

5. Pendidikan Vokasional dan Kemahiran Teknikal

Sejarah perkembangan kurikulum menunjukkan bahawa kurikulum telah wujud sejak zaman Mesir Klasik lagi sekalipun pada waktu itu ianya belum dikonsepsikan secara sistematik. Dewasa ini, pendidikan lebih menekankan kepada aspek praktikal dan vokasional. Pendidikan juga difokuskan kepada kemahiran-kemahiran tertentu yang memiliki impak langsung terhadap masyarakat. Mesir Klasik pada dasarnya telah menunjukkan kejayaan yang sangat pesat dengan model pendidikan vokasional. Dengan menggunakan model pendidikan tersebut Amerika Syarikat dalam waktu yang sangat singkat telah dapat menyaingi Soviet Union yang telah maju lebih dahulu (Gutek, 1995). Oleh itu, Aceh juga pasti mampu menggunakan model pendidikan yang sama serta kurikulum berasaskan kemahiran untuk membawa masyarakatnya ke arah yang lebih maju.

Pendidikan vokasional perlu disediakan supaya berkesinambungan dengan dunia pekerjaan pelajar pada masa depan. Setiap pelajar di Aceh memerlukan peluang pengalaman sebelum bekerja supaya mereka memiliki kemahiran-kemahiran tertentu bagi pekerjaan-pekerjaan tertentu pada masa depan. Pelajar juga perlu disediakan pengalaman praktikal di tempat kerja bertujuan meningkatkan lagi potensi mereka. Bagi mencapai tujuan tersebut,

Kementerian Pelajaran Aceh memerlukan kerjasama yang baik daripada pihak industri yang bakal membangunkan Aceh sehingga 20 hingga 30 tahun akan datang.

Kurikulum yang dibina juga harus menekankan kepada program-program dan aktiviti-aktiviti praktikal yang boleh membantu pelajar untuk menggunakannya dalam kehidupan harian mereka. Dianggarkan apabila pelajar menamatkan persekolahan mereka di peringkat menengah, mereka telah pun dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran vokasional bagi menjawat sesuatu pekerjaan tertentu.

Perubahan dan persaingan setempat menjadi agenda yang lebih utama sekalipun pembangunan pendidikan di Aceh perlu melihat perubahan dalam persaingan dunia. Ini kerana perubahan ekonomi dan sosio-budaya setempat amat memerlukan tenaga kerja yang besar dalam bidang kemahiran teknikal.

6. Kurikulum Berasaskan-Pertanian

Kurikulum berasaskan pertanian juga sesuai dijalankan di Aceh. Analisis tenaga kerja masa depan adalah penting bagi membina kurikulum berasaskan pertanian. Analisis tersebut akan dapat menentukan pelajar-pelajar yang menamatkan persekolahan mereka akan dapat ditempatkan di industri-industri tertentu dalam bidang-bidang yang berkaitan. Kurikulum pertanian yang dicadangkan adalah memerlukan perancangan yang menyeluruh meliputi bidang-bidang yang mencabar antaranya bidang pertanian moden seperti bio-teknologi dan juga maritim.

7. Kurikulum Pertanian dan Projek di Rumah

Selain daripada vokasional serta kemahiran teknikal, penulis mencadangkan kurikulum di Aceh juga perlu menekankan bidang pertanian. Pembentang mencadangkan kurikulum berorientasikan pertanian ini dipanggil Projek Pertanian-Rumah. Program ini digabungkan dalam kurikulum pertanian yang dijalankan di sekolah dan direkabentuk bertujuan untuk menampung keperluan tenaga kerja dalam bidang pertanian di Aceh. Program seperti ini diyakini dapat mengatasi trauma di kalangan kanak-kanak yang berada di rumah-rumah tumpangan atau kem-kem tertentu. Projek Pertanian-Rumah yang dicadangkan dijangka dapat menyumbang kepada *rural-agrarian transformation*. Projek ini juga memberi peluang-peluang berikut kepada pelajar:

1. Mengendalikan perniagaan pertanian secara kecil-kecilan sekaligus memperoleh pendapatan sambil belajar;
2. Mendapat latihan dalam kemahiran vokasional berorientasikan pertanian termasuk penternakan;
3. Mendapat kemahiran mengendalikan perniagaan pertanian; dan
4. Mendapat latihan dalam aspek pengurusan, kepimpinan dan komunikasi.

Bagi melaksanakan projek berkenaan, kerjasama daripada seluruh masyarakat setempat amatlah diperlukan terutama bagi pelajar yang tidak mempunyai tanah pertanian untuk melaksanakan projek tersebut. Begitu juga persediaan penyeliaan yang perlu dijalankan oleh guru ke atas projek-projek berkenaan. Satu jawatan kuasa panel pembinaan kurikulum ini perlu ditubuhkan.

8. Rumusan

Aceh perlu mengembangkan pendidikan vokasional-pertanian dengan berasaskan kepada kurikulum bersifat lokal dan juga kurikulum berasaskan kemahiran. Kedua-dua kurikulum tersebut akan memberi fokus kepada aspek pertanian, samudra dan aspek-aspek lain yang mempunyai impak langsung terhadap keperluan masyarakat serta perkembangannya pada masa depan.

Oleh kerana setiap kawasan di Aceh mempunyai potensi sumber alam tertentu maka setiap kabupaten di Aceh sepatutnya telah memiliki satu kurikulum yang khas juga. Di samping itu, sekolah vokasional juga harus dibina di setiap kabupaten dan kota bertujuan untuk perkembangan teknologi pada masa depan sesuai dengan keadaan geografi di setiap kabupaten.

Sebagai rumusan, dari pelbagai perspektif yang telah dibincangkan, pendidikan bersifat vokasional-pertanian dijangka dapat melahirkan pelajar yang berdikari. Model pendidikan ini bukan hanya sesuai diaplikasikan di peringkat menengah sahaja malah harus dimulai lebih awal lagi iaitu di peringkat Sekolah Menengah Pertama (SMP) dan diteruskan di peringkat Sekolah Menengah Atas (SMA).

Rujukan

- Cornbleth, C. (1984). Beyond hidden curriculum?. *Journal of Curriculum Studies*, 16(1), 29-36.
- Cornbleth, C. (1990). *Curriculum in context*. New York: Falmer.
- Doll, R. C. (1995). *Curriculum improvement: Decision making and process* (9th. ed.). Boston, MA: Allyn.
- Goodlad, J. I., & Su, Z. (1992). The organization of the curriculum. Dlm. P. W. Jackson (Ed.), *Handbook of research on curriculum* (hh. 327-344). New York: Macmillan.
- Gutek, G. L. (1995). *A history of the western educational experience* (2nd ed). Prospect Heights, IL: Waveland.
- Hass, G. (1987). *Curriculum planning: A new approach*. Boston, MA: Allyn.
- Henson, K. T. (2001). *Curriculum planning: Integrating multiculturalism, constructivism, and education reform*. New York: McGraw-Hill.
- Lovat, T. (1998). Curriculum in transition. Dlm. J. Allen (Ed.), *Sociology of education: Possibilities and practices* (hh. 83-97). Sydney: Social.
- Nicholls, A., & Nicholls, S. H. (1978). *Developing a curriculum - A practical guide*. London: Unwin.
- Ornstein, A. C., & Hunkins, F. P. (1998). *Curriculum: foundations, principles and issues*. Needham Height, MA: Allyn.
- Posner, G. J. (1992). *Analyzing the curriculum* (2nd. ed.). New York: McGraw-Hill.
- Pratt, D. (1980). *Curriculum design and development*. New York: Harcourt.
- Saedah Siraj (2006). *Kurikulum masa depan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya. [dlm. proses penerbitan].
- Saedah Siraj (2005). Kurikulum masa depan: Bolehkah diukur?. Dlm. Siow Heng Loke, Abu Talib Putih, Lee Siew Eng, Sandiyao Sebastian, & Adelina Asmawi (Eds.), *Pedagogi merentas kurikulum* (Cet. 1, hh. 351-65). Kuala Lumpur: PTS.
- Saedah Siraj (2001). *Perkembangan kurikulum: Teori dan amalan* (Cet. 2). Selangor: Alam Pintar.

- Saedah Siraj (2000a). *Remaja dan strategi penyelesaian masalah* (Cet. 1). Selangor: Alam Pintar.
- Saedah Siraj (2000b). *Intelek sebagai tumpuan pembinaan kurikulum* (hh. 1-15). Kertas Kerja, & Prosiding Seminar Pembangunan Pendidikan, Jabatan Pembangunan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Dimuat turun 15 Mac, 2001, daripada <http://www.planetklik.com.my>
- Saedah Siraj (1999). Kurikulum ke arah pembentukan golongan pemikir, perekacipta dan professional. *Jurnal Kurikulum*, 1(2), 42-56. Dimuat turun 13 Mac, 2006, daripada http://www.ppk.kpm.my/html/edu%20resourceeduerbit9_siri2.htm.
- Saedah Siraj, & Mohd. Paris bin Saleh (2003). Aplikasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran peringkat sekolah menengah: Jangkaan masa depan. *Jurnal Pendidikan, Journal of Educational Research*, 23, 123-139.
- Saedah Siraj, & Faridah Abdullah (2005). Jangkaan masa depan terhadap aplikasi teknologi dalam kandungan kurikulum dan penilaian sekolah menengah: Satu kajian Delphi. *Jurnal Pendidikan, Journal of Educational Research*, 25, 5-26.
- Schubert, W. (1986). *Curriculum: Perspective, paradigm, and possibility*. New York: Macmillan.
- Serambi Indonesia*. (2005, 27 Mei). h.18.
- Tyler, R. (1949a). *Basic principles of curriculum and instruction*. Chicago, IL: Chicago University Press.
- Twining, J., Nisbet, S., & Megarry, J. (1987). *World Yearbook of Education 1987: Vocational education*. Great Britain: Anchor.
- Vamadore, W. L. (1991, Summer). Projecting meat industry characteristics in the 21st Century using Delphi: Extrapolating curriculum content in Agricultural Education. *Journal of Agricultural Education*, 29-33.
- New Webster's dictionary and thesaurus of the English language*. (1992). (Cet. semak semula). Danbury, CT: Lexicon.